

# Bengkel IT SSMP 2013

Mohd. Nazri Abdul Rahman dan PMSSMP

PMSSMP melalui Exco IT & Grafik, sekali lagi telah berjaya menganjurkan Bengkel IT bagi tahun 2013 yang telah diadakan pada Sabtu, 14 Disember 2013 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 7, UMS. Sasaran utama peserta Bengkel IT ini adalah melibatkan pelajar-pelajar pra-siswazah SSMP.

Objektif utama bengkel sehari ini adalah untuk mendedahkan para peserta kepada teknik-teknik dan aplikasi perisian Adobe Photoshop CS5.0. Terdapat 3 modul pembelajaran yang disediakan iaitu Modul 1 berkaitan dengan pengenalan kepada perisian Adobe Photoshop, Modul 2 berkaitan dengan teknik-teknik asas dan lanjutan untuk mengubahsuai gambar, dan Modul 3 yang melibatkan tutorial dan praktikal serta tugas bagi membolehkan para peserta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari. Para peserta telah diberi tugasan untuk menyediakan poster yang menarik mengikut kreativiti masing-masing.

Berdasarkan borang maklumbalas, didapati sebanyak 12% sangat bersetuju dan 84% peserta bersetuju bahawa modul-modul tersebut telah disampaikan dengan lancar dan

berkesan. Selain itu, terdapat beberapa cadangan daripada peserta untuk mengadakan bengkel seumpama ini pada setiap semester kerana ilmu yang dipelajari adalah cukup berharga dan boleh diaplikasikan dalam pelajaran, di samping di alam pekerjaan kelak.

